

Publication	Utusan Malaysia	Section/Page No.	Bisnes/Pg.25
Date	Saturday, 9th October 2010	Lead Article	No
Headline	Bengkel Kereta Tempatan Akan Digredkan		

Bengkel kereta tempatan akan digredkan

KUALA LUMPUR 8 Okt. _ Persekutuan Persekutuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (FAWOAM) akan menjalankan skim penggredan ke atas semua bengkel kereta yang berdaftar dalam usaha untuk melindungi kepentingan ahli-ahlinya.

Skim penggredan itu akan dijalankan dalam dua peringkat di mana peringkat pertama akan dinilai oleh pemilik bengkel sendiri manakala peringkat kedua akan dilakukan oleh juru audit bebas yang dilantik.

Presiden FAWOAM, Kong Wai Kwong berkata, skim penggredan ini akan mula dilaksanakan tahun depan dengan 2,700 ahli daripada 15,000 ahli di seluruh negara akan terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis taklimat dan seminar FA-

WOAM di sini hari ini.

Menurut Wai Kwong, menerusi penilaian sendiri dan urusan tadbir yang baik secara amnya akan membantu membangunkan bengkel-bengkel, pemain-pemain industri dan industri secara keseluruhannya.



KONG WAI KWONG

Menerusi penggredan ini juga, kesemua bengkel yang dinilai akan digredkan kepada tiga peringkat iaitu perak, emas dan platinum.

Sebagai permulaan, 500 bengkel yang bernaung di bawah Skim Pembaikan Bertauliah PIAM (PARS) akan dilaksanakan di bawah penggredan ini.

"Setiap peringkat yang diberi gred itu akan mempunyai struktur harga serta kelayakan khusus

di mana pihak insurans, penilai kerugian dan pengurus tuntutan akan dibimbing menerusi

peringkat itu apabila menentukan tuntutan akhir pembaikan," katanya.

Mengulas lanjut kata Wai Kwong, kriteria penilaian akan memperincikan kebolehan bengkel, peralatan, tenaga kerja, kemahiran dan cara-cara pembaikan dan berdasarkan kepada semua itu ia akan diberi gred yang telah ditetapkan.

Beliau berkata, usaha untuk menggredkan kesemua bengkel itu dilakukan berikutan banyak laporan dan rungutan yang diterima daripada pemilik kenderaan kerana ada bengkel yang sesuka hati mengenakan kadar bayaran berlebihan.

Katanya, sasaran sistem penggredan ini bukan sahaja untuk pemilik kenderaan atau pengguna malah beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Puspakom, Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara Malaysia juga boleh mengakses kepada sistem yang dibangunkan ini.